

17/08/2001

Taman bunga bertaraf dunia di Ulu Slim

SLIM RIVER, Khamis - Kabinet meluluskan pembinaan sebuah taman bunga bertaraf dunia sama seperti Taman Bunga di Victoria, Kanada di kawasan seluas 400 hektar di Kampung Ulu Slim, di sini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata pemilihan kawasan Kampung Ulu Slim itu kerana kawasan terbabit berpotensi dan mempunyai pelbagai keistimewaan, seperti kolam air panas, tasik, sungai dan berbukit yang sesuai untuk pembinaan taman bunga berkenaan.

Beliau berkata, Kerajaan Perak turut memberi kerjasama apabila sedia meluluskan kawasan berkenaan untuk melaksanakan projek itu.

"Setakat ini, kementerian sudah melantik dua pakar perunding dari Kanada untuk menjalankan kajian berhubung kesesuaian kawasan itu untuk projek yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dua pakar itu akan datang ke Malaysia, Oktober ini untuk menjalankan kajian. Jika pakar berkenaan mendapati kawasan itu sesuai, projek itu dijangka dapat dilaksanakan tahun depan," katanya kepada pemberita selepas membuat lawatan kerja di Kampung Ulu Slim di sini, hari ini.

Turut serta dalam lawatan itu Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Mazidah Zakaria dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Ong berkata, taman bunga itu boleh menempatkan 100 peratus pokok bunga berwarna warni untuk kajian dan tarikan pelancong.

Beliau berkata, dari segi peruntukan, kementerian hanya akan mengetahuinya selepas dua pakar itu selesai menjalankan kajiannya.

"Saya percaya pelaksanaan projek ini mewujudkan sebuah lagi pusat pelancongan berprestij yang mampu menarik lebih satu juta pelancong setahun ke negara ini, selain menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sekali gus mengelak penghijrahan mereka ke bandar," katanya.

(END)